



Jabatan Perangkaan
M A L A Y S I A

KENYATAAN MEDIA
ANALISIS DATA RAYA *JOB MARKET INSIGHTS* DAN
***MY JOB PROFILE*: LANSKAP PENAWARAN PEKERJAAN DI MALAYSIA**
BAGI SUKU KETIGA DAN KEEMPAT, 2021

**KEKOSONGAN JAWATAN YANG DIIKLANKAN DALAM TALIAN MENINGKAT
LEBIH DARIPADA DUA KALI GANDA**

PUTRAJAYA, 28 FEBRUARI 2022 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menyiarkan statistik Analisis Data Raya *Job Market Insights* dan *My Job Profile*: Lanskap Penawaran Pekerjaan di Malaysia, bagi suku ketiga dan keempat 2021. Kedua-dua Analisis Data Raya yang dikeluarkan secara suku tahunan ini, memaparkan statistik yang disusun berdasarkan kekosongan jawatan yang diiklankan secara dalam talian oleh beberapa portal pekerjaan swasta yang popular. Selain itu, Analisis Data Raya ini turut menyediakan maklumat kekosongan pekerjaan yang ditawarkan oleh majikan secara dalam talian dari pelbagai aspek seperti jenis dan profil pekerjaan, lokasi, industri, kemahiran, bidang pengajian dan lain-lain.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, “Pada suku keempat 2021 bilangan kekosongan jawatan yang diiklankan secara dalam talian berjumlah 190,436, meningkat 143.2 peratus daripada 78,303 yang dicatatkan pada suku yang sama tahun sebelumnya. Manakala pada perbandingan suku tahunan, jumlah tersebut menurun sedikit daripada 192,480 jawatan yang diiklankan pada suku ketiga 2021. Pada asas bulanan, bilangan jawatan kosong dalam talian yang diiklankan adalah tertinggi di bulan Disember pada 76,193, manakala Oktober dan November masing-masing berjumlah 73,230 dan 41,013”.

Mengulas lanjut mengenai kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian bagi sepanjang tahun 2021, Ketua Perangkawan berkata, “Jumlah pekerjaan yang diiklankan dalam talian meningkat lebih dua kali ganda daripada 221,384 pada 2020 kepada 563,636 pada 2021”.

Ketua Perangkawan menyatakan, “Kebanyakan pekerjaan yang ditawarkan dalam talian pada suku keempat 2021 adalah untuk pekerja kategori Profesional (43.1%) dan diikuti oleh pekerja kategori Juruteknik dan Profesional Bersekutu (18.4%), dan Pengurus (12.6%). Mengikut susunan, lima pekerjaan paling popular yang ditawarkan semasa tempoh rujukan ialah Profesional Pengiklanan dan Pemasaran, Profesional

Bersekutu Pentadbiran, Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif, Akauntan dan Juruaudit dan Pembangun Perisian”.

Sementara itu dari perspektif sektor ekonomi pula, sektor Perkhidmatan dan Pembuatan merupakan sektor yang paling banyak menawarkan pekerjaan pada suku keempat 2021. Tiga subsektor Perkhidmatan tertinggi yang mengiklankan jawatan kosong dalam talian pada suku keempat 2021 ialah aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor, Profesional, Sains dan Teknikal, dan Kewangan dan Insurans/ Takaful.

Ketua Perangkawan juga menyatakan, “Pada suku keempat 2021, lima pekerjaan paling hangat berkaitan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) yang diperlukan oleh majikan ialah Juruteknik, Pereka Grafik, Jurutera Perisian, Pengurus Projek dan Penyelia Tapak. Dari segi kategori Teknikal, Pendidikan Vokasional dan Latihan (TVET), Profesional Pengiklanan dan Pemasaran, Profesional Bersekutu Pentadbiran, Pembangun Perisian, Profesional Pentadbiran, dan Kerani Am Pejabat adalah lima pekerjaan tertinggi yang ditawarkan pada suku keempat 2021”.

Menelusuri era Revolusi Industri 4.0, menurut Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Pekerjaan berkaitan digitalisasi seperti Ahli Sains Data, Profesional Pemasaran Digital dan Media Sosial menunjukkan peningkatan yang ketara pada suku ketiga dan keempat 2021. Pada suku keempat 2021, bilangan kekosongan jawatan yang diiklankan secara dalam talian bagi Eksekutif Pemasaran Digital adalah berjumlah 1,465 meningkat 672 (84.7 peratus) daripada 793 yang dicatatkan pada suku yang sama tahun sebelumnya. Manakala pada suku ketiga 2021, jumlah pekerjaan tersebut yang diiklankan adalah sebanyak 1,705 jawatan. Selain itu, pekerjaan seperti Eksekutif Media Sosial dan Ahli Sains Data turut menunjukkan peningkatan iaitu masing-masing mencatatkan 324 dan 128 jawatan diiklankan pada suku keempat 2021 berbanding 236 dan 79 bagi suku tahunan yang sama pada tahun sebelumnya. Walaupun pekerjaan ini masih belum menjadi pekerjaan paling popular, ia boleh dikatakan antara pekerjaan yang berkembang pesat dalam permintaan pasaran pekerjaan”.


Meneliti kekosongan jawatan yang diiklankan mengikut geografi, hampir tiga perempat daripada jumlah iklan pekerjaan dalam talian tertumpu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (80,478), Selangor (34,050), Johor (14,470), Pulau Pinang (8,221) dan Melaka (3,668).

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin merumuskan, “Peningkatan kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian pada suku ketiga dan keempat 2021 terutamanya perkhidmatan dan pembuatan, memberi gambaran yang positif dalam perkembangan ekonomi negara di mana sektor-sektor ekonomi negara mula bergerak dengan lebih cepat. Ini digambarkan oleh usaha syarikat-syarikat untuk menambah pekerja mereka bagi memenuhi permintaan pasaran terhadap barangan dan perkhidmatan yang

semakin berkembang. Perkembangan permintaan terhadap tenaga kerja ini juga adalah selaras dengan Pelan Pemulihan Negara yang bertujuan mengurangkan impak pandemik dan seterusnya memulihkan ekonomi negara”. Para pengguna terutamanya pencari kerja boleh mengakses maklumat perincian mendalam mengenai penawaran pekerjaan di Malaysia di www.dosm.gov.my/bda-jmi dan myjobprofile.dosm.gov.my.


Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. Jabatan ini amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada pegawai DOSM serta menayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Carta 1: Kekosongan Pekerjaan dalam Talian bagi Suku Ketiga, 2019 hingga Suku Keempat, 2021




Nota: Statistik dari laporan ini hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati disebabkan keterbatasan data analisis data raya (menggunakan kaedah *web scraping*) dan tidak menggambarkan populasi sebenar kekosongan jawatan.

Carta 2: Kekosongan Pekerjaan dalam Talian Mengikut Kategori Pekerjaan bagi Suku Ketiga dan Suku Keempat, 2021




Nota: Statistik dari laporan ini hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati disebabkan keterbatasan data analisis data raya (menggunakan kaedah *web scraping*) dan tidak menggambarkan populasi sebenar kekosongan jawatan.

Rajah 1: Kekosongan Pekerjaan dalam Talian mengikut Sektor bagi Suku Keempat, 2021



Nota: Statistik dari laporan ini hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati disebabkan keterbatasan data analisis data raya (menggunakan kaedah *web scraping*) dan tidak menggambarkan populasi sebenar kekosongan jawatan.

Rajah 2: Kekosongan Pekerjaan dalam Talian mengikut Negeri bagi Suku Keempat, 2021



Nota: Statistik dari laporan ini hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati disebabkan keterbatasan data analisis data raya (menggunakan kaedah *web scraping*) dan tidak menggambarkan populasi sebenar kekosongan jawatan.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 FEBRUARI 2022**



Department of Statistics
M A L A Y S I A

MEDIA STATEMENT
BIG DATA ANALYTICS JOB MARKET INSIGHTS AND
MY JOB PROFILE: JOB VACANCIES LANDSCAPE IN MALAYSIA,
THIRD AND FOURTH QUARTER OF 2021

JOB VACANCIES ADVERTISED ONLINE INCREASED
MORE THAN TWO-FOLD

PUTRAJAYA, 28th FEBRUARY 2022 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) published the *Big Data Analytics Job Market Insights and My Job Profile: Job Vacancies Landscape in Malaysia, third and fourth quarter of 2021*. Both quarterly releases *Big Data Analytics* are compiled based on the job vacancies advertised online by popular private recruitment portals. The *Big Data Analytics* also contains information on job vacancies offered by employers from various aspects such as by the occupation's type and profile, location, skills, the field of studies and others.

Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "In the fourth quarter of 2021, the number of vacancies advertised online amounted to 190,436, up 143.2 per cent from 78,303 recorded in the same quarter of the previous year. Meanwhile on quarterly comparison, the number was slightly lower than the 192,480 positions advertised in third quarter 2021. On a monthly basis, the number of online job vacancies advertised was highest in December at 76,193, while October and November were at 73,230 and 41,013, respectively".

Commenting on the job vacancies advertised for the whole 2021, Chief Statistician further said, "The number increased more than two-fold from 221,384 jobs advertised online in 2020 to 563,636 in 2021".

Chief Statistician stated "Most jobs advertised online in fourth quarter 2021 were for Professional category workers (43.1%) and followed by Technicians and Associate Professionals (18.4%) and Managers (12.6%) category workers. By ranking, the top five most popular jobs offered during the reference period are Advertising and Marketing Professionals, Administrative Associate Professionals, Managing Directors and Chief Executives, Accountants and Auditors and Software Developers".

Meanwhile, from the perspective of the economic sector, the Services and Manufacturing sectors are the most notable sectors offering jobs in fourth quarter

2021. The top three services sub-sectors posting job vacancies online in fourth quarter 2021 were Wholesale and Retail Trade; Repair of Motor Vehicles, Professional, Scientific and Technical, and Financial and Insurance/ Takaful activities.

Chief Statistician also added “During Fourth Quarter 2021, the five hottest (Science, Technology, Engineering and Mathematics) STEM-related jobs demanded by the employer were Technician, Graphic Designer, Software Engineer, Project Manager and Site Supervisor. In term of Technical, Vocational Education and Training (TVET) category, Advertising and Marketing Professionals, Administrative Associate Professionals, Software Developers, Administrative Professionals, and General Office Clerks were the top five jobs offered in fourth quarter 2021”.


Resonating the era of Industrial Revolution 4.0, Dato 'Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated “Digitisation-related jobs such as Data Scientist, Digital Marketing Professional and Social Media showed a significant increase in the third and fourth quarter of 2021. In the fourth quarter of 2021, the number of vacancies advertised online for Digital Marketing Executives was 1,465, an increase of 672 (84.7 per cent) from 793 recorded in the same quarter a year earlier. Meanwhile, in the third quarter of 2021, the total number of jobs advertised were 1,705 positions. In addition, jobs such as Social Media Executives and Data Scientists also showed an increase with 324 and 128 positions advertised in the fourth quarter of 2021 respectively compared to 236 and 79 vacancies for the same quarter in the previous year. Even though these jobs are not yet the most popular jobs, they are arguably among the fastest growing jobs in demand”.

Observing the job vacancies advertised by geographical, almost three-quarters of the total online job advertisement were concentrated in Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (80,478), Selangor (34,050), Johor (14,470), Pulau Pinang (8,221) and Melaka (3,668).

Dato 'Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin concluded, “The increase in vacancies advertised online in the third and fourth quarter of 2021 mainly services and manufacturing, gives a positive sign of the country’s economic development where the economic sectors are starting to accelerate. This is reflected by companies’ efforts to recruit more employees to meet the growing market demand for goods and services. The increasing demand for workforce is also in line with the National Recovery Plan which aims to reduce the impact of the pandemic and further restore the national economy”. Various users especially job seekers can access in -depth detailed information on job vacancies in Malaysia at www.dosm.gov.my/bda-jmi and myjobprofile.dosm.gov.my.


The Department of Statistics Malaysia is conducting Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 until 31st December 2022. The Department is gratefully acknowledges the co-operation provided by the selected respondents to share their information to DOSM’s officers and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for further info.

Chart 1: Job Vacancies Advertised Online, 2020-2021 and Third Quarter, 2019 – Fourth Quarter, 2021




Note: The statistics from this report must be interpreted with caution due to the data limitation as it is gathered via big data analytics (using web scraping techniques) and does not reflect the actual population of job vacancies.

Chart 2: Job Vacancies Advertised Online by type of Occupation, Third Quarter and Fourth Quarter, 2021




Note: The statistics from this report must be interpreted with caution due to the data limitation as it is gathered via big data analytics (using web scraping techniques) and does not reflect the actual population of job vacancies.

Figure 1: Job Vacancies Advertised Online by Sectors, Fourth Quarter, 2021



Note: The statistics from this report must be interpreted with caution due to the data limitation as it is gathered via big data analytics (using web scraping techniques) and does not reflect the actual population of job vacancies.

Figure 2: Job Vacancies Advertised Online by States, Fourth Quarter, 2021



Note: The statistics from this report must be interpreted with caution due to the data limitation as it is gathered via big data analytics (using web scraping techniques) and does not reflect the actual population of job vacancies.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN OF MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
28th FEBRUARY 2022**